



Keadaan **sebahagian Sungai Bertam** di Ringlet, Cameron Highlands, yang dilanda banjir lumpur, Rabu lalu.

[FOTO IKHWAN MUNIR/BH]

RM40 juta lebar Sungai Bertam

» *Peruntukan bukti kerajaan serius tangani masalah banjir*

■ **Kuala Lumpur**

Respon pantas kerajaan memperuntukkan RM40 juta bagi melebar dan memperdalam Sungai Bertam di Cameron Highlands, membuktikan kerajaan serius menangani masalah banjir daripada berulang.

Langkah segera terkandung dalam Bajet 2014 itu dianggap amat bertepatan bagi membantu penduduk keluar daripada igauan ngeri apabila tiga terkorban dan seorang hilang dalam kejadian banjir lumpur di Lem-

bah Bertam, Ringlet, Rabu lalu.

Pegawai Daerah Cameron Highlands, Datuk Ahmad Daud, berkata pelebaran dan projek mendalamkan Sungai Bertam diharapkan dapat menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan berkenaan.

Tindakan segera

“Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Cameron Highlands ada memohon peruntukan untuk melebarkan sungai itu dan dengan peruntukan yang diterima ini, diharapkan usaha melebar dan memperdalam Sungai Bertam dapat diurus secepat mungkin oleh JPS,” katanya, semalam.

Beliau berkata, banjir kilat pernah berlaku di kawasan itu

pada 1988, namun tidak seburuk kejadian kali ini.

Ahmad turut kesal dengan sikap segelintir penduduk terutama pekebun sayur yang membuang sampah termasuk plastik

baja ke dalam sungai.

Sementara itu, aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye, memuji langkah itu kerana dapat mengelak kejadian sama daripada berulang pada masa depan, sekali gus membolehkan penduduk meneruskan kehidupan tanpa rasa bimbang.

“Pihak bertanggungjawab mesti ada satu program penyelenggaraan bagi memastikan keadaan di Cameron Highlands tidak bertambah buruk. Selain itu, pihak yang menjaga empa-

ngan juga perlu melaksanakan prosedur dengan tepat dan mengkaji semula prosedur itu jika perlu,” katanya.

Perlu pendekatan holistik

Ketua Pusat Penyelidikan Alam Sekitar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Dr Ku Halim Ku Hamid, pula berkata langkah umum kerajaan itu satu tindakan bijak, namun pendekatan lebih holistik perlu diambil.

“Melebarkan sungai saja tidak mencukupi kerana lama-kelamaan sungai atau kolam akan cetek dengan wujudnya pemendapan keladak.

“Kapasiti empangan yang akan menampung air juga perlu diambil kira, termasuk harus mengkaji taburan hujan sebelum memperdalam sungai agar ia mampu menampung jumlah air,” katanya.

BERNAMA

